

Mahathir, Anwar nafi khabar angin

Tiada TPM kedua

Oleh M Thillinadan dan Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Selasa – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini sepakat tidak akan melayani sebarang khabar angin yang tidak bertanggungjawab dan berniat jahat.

Dr Mahathir menafikan laporan media negara jiran yang beliau akan melantik Timbalan Perdana Menteri kedua bagi negara ini.

Menurutnya, beliau tidak tahumenahu mengenai laporan itu dan ini kali pertama (daripada wartawan) beliau sendiri mendengar berita itu.

Ketika menjawab soal pmbertita mengenai laporan akhbar itu, secara berseloroh Dr Mahathir menanyakan sama ada wartawan mempunyai calon sesuai bagi jawatan itu.

“Kalau kamu (wartawan) sanggup bayar gaji bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua, boleh juga dilantik seorang Timbalan Perdana Menteri kehormat,” jawabnya sambil terseenyum.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar *Business Times*, Singapura, Jumaat lalu, yang mendakwa kejatuhan Indeks Komposit di bawah paras 1,000 mata di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ada kaitan dengan khabar angin, Dr Mahathir akan melantik seorang Timbalan Perdana Menteri kedua.

Laporan itu memetik sumber sebagai berkata: “Sentimen yang kukuh di sesi pagi (Khamis lalu), berubah menjadi teruk pada sebelah petang selepas tersebabnya khabar angin, Dr Mahathir akan melantik Timbalan

Perdana Menteri kedua”.

Sementara itu, bercakap selepas merasmikan Persidangan Unjuran Kebangsaan, anjuran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) di sini, hari ini, Anwar menyifatkan khabar-khabar angin itu tidak berasas dan berniat jahat.

Katanya, beliau menemui Perdana Menteri pagi ini dan Dr Mahathir menjelaskan perlantikan Timbalan Perdana Menteri kedua tidak pernah berbangkit sama sekali.

“Perdana Menteri dan saya memutuskan, tidak melayani khabar-khabar angin yang tidak bertanggungjawab dan disebar-kan oleh golongan yang berniat jahat.

“Kemungkinan, golongan ini kecewa kerana permohonan tertentu tidak dilayan atau gagal mendapat kontrak atau mempunyai kepentingan lain di samping mungkin cuba menggugat pasaran saham.

“Tuduhan itu sebenarnya tidak adil kepada saya, Perdana Menteri dan negara. Ia tidak berasas tetapi mungkin mempunyai isu politik dan disengajakan untuk menggugat kestabilan,” katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, hubungannya dengan Perdana Menteri adalah seperti biasa dan kerap menemui Dr Mahathir.

“Oleh itu, saya rasa bahawa tuduhan ini tidak adil. Kita ada maklumat, khabar angin senegaja dilemparkan di negara asing untuk menimbulkan masalah tetapi saya fikir ia tidak memberi kesan,” katanya.

Mahathir, Anwar nafi khabar angin TPM kedua

DARI MUKA 1

Mengulas kemungkinan ia dirancang oleh pihak tertentu, beliau berkata: “Saya tidak tahu sama ada ia dirancang atau tidak, tetapi memang ada tujuan tidak baik. Kita tidak melayan perkara yang tidak bertanggungjawab. Saya minta rakyat Malaysia ketepikan khabar-khabar angin ini,” katanya.

Ditanya punca kejatuhan BSKL, Anwar berkata, kejatuhan itu hanya bersifat sementara tapi mungkin boleh menjejaskan pelabur jangka pendek yang bergantung kepada spekulasi semata-mata.

Beliau berkeyakinan BSKL tidak menghadapi

masalah dari segi jangka panjang kerana ia mempunyai faktor asas yang kuat seperti kekukuhan ekonomi negara serta syarikat yang disenaraikan.

“Kita juga patut melihat perkembangan antarabangsa seperti tindakan pentadbiran Amerika Syarikat mengkaji semula kadar faedah dan bon bagi menarik pelabur antarabangsa,” katanya.

Sehubungan itu, Anwar mengingatkan pelabur mengutamakan faktor asas ekonomi ketika melabur dan bukannya bergantung kepada khabar-khabar angin terutama di bursa saham antarabangsa.

LIHAT MUKA 2